



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

**MENARA PERKESO, 281 JALAN AMPANG
50538 KUALA LUMPUR
TEL. AM 03-42645000 CALL CENTRE: 03-42575755**

PEKELILING MAJIKAN NO. 2 TAHUN 2013

**SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL KEPADA KAKITANGAN AWAM
BERTARAF SEMENTARA DAN KONTRAK**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memperjelaskan perluasan liputan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada kakitangan awam bertaraf sementara dan kontrak yang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kakitangan perkhidmatan awam telah dikecualikan dari mencarum kepada PERKESO melalui Warta Kerajaan P.U(B)643/1982 (Pengecualian di bawah Seksyen 100, AKSP 1969) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1983 manakala Kakitangan Badan Berkanun (BBK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula telah dikecualikan dari mencarum melalui Warta Kerajaan P.U(B)433/1984 (Pengecualian bagi pekerja dalam Badan-Badan Berkanun) dan P.U(B)434/198 (Pengecualian bagi Pihak Berkuasa Tempatan) berkuatkuasa pada 1 November 1984.

- 2.2 Pada 20 Mac 2013, Kerajaan telah meluluskan Cadangan Perluasan Skim Perlindungan Keselamatan Sosial di bawah PERKESO kepada kakitangan sementara dan kontrak dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. Perluasan ini bertujuan untuk memberikan perlindungan keselamatan sosial yang lebih baik dan setara dengan pekerja sektor swasta di samping mengekalkan keharmonian dan kerjasama di antara kerajaan, majikan dan pekerja.
- 2.3 Perintah Pengecualian telah diwartakan pada 28 Mei 2013 dan berkuatkuasa mulai pada 1 Jun 2013 iaitu:-
- 2.3.1 Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 239/2013 Pemberitahuan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengecualian Kepada Pekerja Dalam Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan)2013; dan
- 2.3.2 Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 240/2013 Pemberitahuan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengecualian Kepada Pekerja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri)2013.

3. SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO

3.1 LIPUTAN MAJIKAN

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (AKSP 1969) dan Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 terpakai kepada semua majikan yang menggaji seorang pekerja atau lebih.

3.2 LIPUTAN PEKERJA

3.2.1 Bergaji RM3,000.00 sebulan atau kurang

Pekerja yang menerima gaji bulanan RM3,000 atau kurang adalah layak didaftarkan dan dicarum serta tertakluk kepada prinsip sekali layak terus layak.

3.2.2 Prinsip 'sekali layak terus layak'

Pekerja yang telah dicarum dan kini gajinya melebihi RM3,000.00 sebulan maka caruman PERKESO hendaklah diteruskan selagi dia diambil bekerja di dalam perusahaan yang layak di bawah akta ini.

3.2.3 Bergaji lebih daripada RM3,000 sebulan dan Notis Pemilihan

Pekerja yang pertama kali bekerja dan menerima gaji lebih daripada RM3,000.00 sebulan layak dicarum dengan syarat majikan dan pekerja bersetuju memilih untuk diliputi dengan mengemukakan Notis Pemilihan bersama Borang Pendaftaran Pekerja.

3.2.4 Pekerja Yang Tidak Diliputi / Bukan "Pekerja"

Pekerja yang tidak diliputi di bawah Jadual Pertama AKSP 1969 adalah seperti berikut:

- i) Bergaji melebihi RM3,000.00
- ii) Suami atau isteri bagi majikan utama atau majikan langsung.
- iii) Sesiapa yang pekerjaannya berjenis sambilan dan yang diambil bekerja bukan bagi maksud perusahaan majikannya.
- iv) Seseorang perkhidmatan rumah tangga, iaitu seseorang yang diambil kerja semata-mata dalam kerja atau berkenaan dengan kerja bagi sesebuah rumah kediaman sendirian dan bukan kerja bagi apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan dalam rumah kediaman. Contoh; tukang masak, pekebun, jaga atau pemandu apa-apa kenderaan berlesen untuk kegunaan sendirian.
- v) Seseorang tributer, iaitu seseorang yang dibenarkan memperoleh apa-apa jenis galian atau hasil daripada atau

atas tanah seseorang lain dan yang sebagai balasan bagi kebenaran itu, memberikan sebahagian galian atau hasil yang diperoleh itu kepada orang lain itu atau membayar kepadanya nilai bahagian itu.

- vi) Pasukan Bersenjata Malaysia
- vii) Pegawai Polis
- viii) Seseorang yang ditahan dalam penjara, sekolah Henry Gurney, sekolah yang diluluskan, tempat tahanan, hospital Mental atau petempatan kusta.
- ix) Setakat yang peruntukan-peruntukan Akta ini berkaitan dengan Pencen Ilat
 - (a) Pekerja yang telah mencapai umur 55 tahun dan tiada caruman dibuat sebelumnya.
 - (b) Seorang pekerja berumur 60 tahun.
 - (c) Seorang yang sedang menerima Pencen Ilat.

3.3 PENDAFTARAN MAJIKAN

3.3.1 Majikan dan pekerja hendaklah didaftarkan dengan PERKESO dalam tempoh tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh seseorang pekerja diambil bekerja.

3.3.2 Majikan dikehendaki mengisi Borang Pendaftaran Majikan (Borang1) serta Borang Pendaftaran Pekerja (Borang 2) dan mengemukakannya ke Pejabat PERKESO yang berdekatan.

3.3.3 Borang pendaftaran majikan (Borang 1) dan pekerja (Borang boleh diperolehi melalui laman sesawang PERKESO www.perkeso.gov.my atau di pejabat PERKESO berdekatan.

3.4 PENDAFTARAN PEKERJA

- 3.4.1 Pekerja yang dimaksudkan adalah Warganegara Malaysia atau berstatus Pemastautin Tetap dan diambil bekerja dengan menerima gaji di bawah suatu kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*) atau perantisan di bawah seorang majikan atau lebih. Kontrak tersebut adalah sebuah kontrak yang nyata atau tersirat atau secara lisan atau bertulis, berkaitan dengan kerja yang dilakukan di dalam perusahaan.
- 3.4.2 Pekerja baru hendaklah didaftarkan dengan menggunakan Borang 2.
- 3.4.3 Pekerja yang menerima gaji melebihi RM3,000.00 sebulan dan belum pernah dicarum dan pekerja memilih untuk diliputi di bawah Akta ini dengan persetujuan majikan, maka majikan perlu mengisi Notis Pemilihan. Notis Pemilihan hendaklah diisi bersama-sama dengan Borang 2. Tarikh pekerja layak diliputi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 adalah pada tarikh notis tersebut diterima oleh Pejabat PERKESO.
- 3.4.4 Borang 2 hendaklah dihantar ke Pejabat PERKESO yang berdekatan dalam tempoh 30 hari dari bulan pekerja tersebut diambil bekerja.

Contoh:-

Pekerja baru yang diambil bekerja dalam bulan Mei 2013 hendaklah didaftarkan dengan mengisi Borang 2 dan mengemukakan borang tersebut ke Pejabat PERKESO selewat-lewatnya pada 30 Jun 2013.

(PERHATIAN: Sila pastikan No. Kad Pengenalan dan Nama Pekerja adalah seperti dalam kad pengenalan. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan caruman pekerja tidak dapat dikemaskini).

3.5 NOMBOR RUJUKAN

3.5.1 Nombor rujukan majikan – Nombor Kod Majikan

Kod Majikan diperuntukkan kepada semua perusahaan yang berdaftar. Majikan hendaklah mencatatkan nombor kod tersebut dalam semua surat-menyurat yang dikemukakan kepada PERKESO.

3.5.2 Nombor Rujukan Pekerja – Nombor Kad Pengenalan

PERKESO menggunakan nombor kad pengenalan sebagai nombor rujukan pekerja. Semua urusan pekerja dengan PERKESO hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan.

3.6 REKOD DAFTAR PEKERJA

3.6.1 Majikan hendaklah menyenggara dan menyimpan Rekod Daftar Pekerja yang menunjukkan butir-butir berikut bagi tiap-tiap bulan untuk setiap pekerja:

- i) Nama
- ii) Nombor kad pengenalan
- iii) Pekerjaan
- iv) Jumlah caruman di bawah Akta bagi bulan itu
- v) Jenis caruman pekerja

(PERHATIAN: Daftar ini tidak diperlukan lagi jika majikan telah pun menyimpan suatu daftar yang hampir serupa dan butir-butir yang tersebut di atas telah juga ditunjukkan dalam daftar itu secara manual ataupun elektronik)

3.7 CARUMAN

3.7.1 Jenis Caruman

Caruman yang kena di bayar di bawah Akta adalah terdiri dari caruman syer majikan dan syer pekerja. Terdapat dua jenis

caruman iaitu Caruman Jenis Pertama dan Kedua. Pembayaran caruman hendaklah merujuk kepada Jadual Caruman seperti di Lampiran A

i) Caruman Jenis Pertama (CJ1)

- (a) Caruman Jenis Pertama adalah untuk Skim Bencana Pekerjaan dan Pencen Ilat. Syer majikan 1.75% dan pekerja 0.5%.
- (b) Umur pekerja belum mencapai 60 tahun, atau
- (c) Mula masuk skim atau pertama kali dicarum sebelum berumur 55 tahun.

ii) Caruman Jenis Kedua (CJ2)

- (a) Caruman Jenis Kedua adalah untuk Skim Bencana Pekerjaan dan caruman dibayar keseluruhannya oleh majikan sebanyak 1.25%.
- (b) Pekerja yang telah mencapai umur 60 tahun dan masih bekerja, atau
- (c) Pekerja yang telah mencapai 55 tahun ketika mula memasuki skim PERKESO.

3.7.2 Caruman Bulanan

Caruman bulanan yang kena dibayar oleh majikan bagi seseorang pekerjanya adalah berdasarkan gaji yang kena dibayar kepada pekerja itu bagi bulan yang dimaksudkan oleh caruman itu. Caruman hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dalam bulan berikutnya.

Contoh:-

Caruman bulan Mei 2013 adalah merujuk kepada gaji bulan Mei dan hendaklah dibayar tidak lewat dari 30 Jun 2013.

3.8 TAKRIF 'GAJI' DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969(AKTA 4)

3.8.1 Seksyen 2(24) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 menyatakan bahawa 'gaji' bermaksud semua saraan yang kena dibayar dengan wang oleh majikan kepada pekerja termasuk apa-apa bayaran berkenaan dengan cuti, kelepasan, lebih masa, dan kerja tambahan pada hari kelepasan tetapi **tidak termasuk**:

- i) apa-apa caruman yang kena dibayar oleh majikan utama atau majikan langsung kepada mana-mana kumpulan wang pencen atau kumpulan wang simpanan, atau di bawah Akta ini;
- ii) apa-apa elaun perjalanan atau nilai apa-apa konsesi perjalanan;
- iii) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada pekerja untuk membayar belanja khas yang dilakukan hasil daripada pekerjaannya;
- iv) apa-apa ganjaran yang kena dibayar apabila berhenti kerja atau bersara;
- v) bonus tahunan;
- vi) apa-apa saraan lain yang ditetapkan.

3.8.2 Antara saraan-saraan yang kena dibayar dengan wang adalah:

- i) bayaran untuk kerja yang dibuat pada hari-hari kerja biasa;
- ii) bayaran lebih masa;
- iii) bayaran untuk kerja yang dijalankan pada hari kelepasan dan hari rehat;
- iv) bayaran cuti sakit;
- v) bayaran cuti tahunan;
- vi) bayaran hari kelepasan;
- vii) bayaran hari rehat mingguan;

- viii) elaun bersalin;
- xi) elaun bantuan khas;
- x) elaun bantuan sewa rumah
- xi) komisen;
- xii) bayaran perkhidmatan (*service charge*).

(PERHATIAN: Bayaran-bayaran yang disenaraikan di atas adalah sebagai contoh sahaja dan bukannya lengkap. Jika majikan berkehendakkan apa-apa penjelasan berhubung dengan takrif 'gaji' itu, sila berhubung dengan mana-mana pejabat PERKESO).

3.9 KAEDAH BAYARAN CARUMAN

3.9.1 Pembayaran Caruman boleh dibuat melalui 3 kaedah seperti berikut:

- i) Perbankan Internet
- ii) Cakera Padat (CD)
- iii) Jadual Caruman Bulanan (8A)

3.9.2 Caruman bulanan boleh dibayar melalui :-

i) Agen pemungut

- a) CIMB Bank Berhad
- b) MayBank Berhad
- c) Public Bank Berhad
- d) RHB Bank Berhad
- e) Bank Muamalat Malaysia Berhad
- f) Pos Malaysia (Cawangan Sabah dan Sarawak)

ii) Perbankan Internet

Majikan perlu berdaftar dan mempunyai akaun di bank-bank yang telah dilantik. Penerangan lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi bank-bank berikut:

BIL	BANK	SALURAN
1.	MAYBANK BERHAD	MayBank2e.net
2.	CIMB Bank Berhad	Biz Channel
3.	RHB Bank Berhad	eHR2
4.	Public Bank Berhad	PbeBank.com
5.	Hong Leong Bank Berhad	E-Payment Service
6.	HSBC Bank (M) Berhad	HSBC net
7.	Citibank Berhad	CitiConnect
8.	Ambank Malaysia Berhad	E-Ambiz
9.	Alliance Bank Malaysia Berhad	Alliance Online Business
10.	Affin Bank	Affinonline
11.	Bank Islam Malaysia Berhad	Perbankan Internet Korporat (<i>e-Banker</i>)

iii) Kaunter PERKESO

Pembayaran caruman boleh dibuat di mana-mana Pejabat PERKESO dengan mengemukakan cek atau kiriman wang berserta dengan Borang 8A atau cakera padat (CD).

3.10 BORANG 8A (JADUAL CARUMAN BULANAN) DAN BORANG 8B (JADUAL CARUMAN TERKURANG BAYAR)

3.10.1 Borang 8A mengandungi butiran-butiran seperti berikut:

- i) Bulan caruman
- ii) Nombor Kod Majikan
- iii) Nama dan Alamat Majikan
- vi) Nombor KPPN
- v) Nama Pekerja

3.10.2 Borang 8A ini akan dihantar kepada majikan secara pos pada setiap bulan sebelum berakhirnya bulan tersebut. Majikan boleh memuat turun Borang 8A melalui laman sesawang PERKESO www.perkeso.gov.my atau mendapatkannya daripada kaunter PERKESO.

Contoh

Borang 8A bagi caruman bulan Mei 2013 yang mana kena dibayar selewat-lewatnya pada 30 Jun 2013 akan diterima oleh majikan sebelum akhir bulan Mei 2013.

*(**PERHATIAN:** Majikan dinasihatkan supaya membuat salinan Borang 8A sebelum pembayaran dibuat untuk tujuan rekod)*

3.10.3 Caruman bulanan boleh dibayar melalui bank-bank yang diluluskan. Bagi tujuan ini, tindakan-tindakan berikut hendaklah diambil.

- i) Catatkan jumlah caruman yang kena dibayar bagi pekerja itu di ruangan (6) Borang 8A;
- ii) Jika tiada caruman sebab cuti tanpa gaji, masukkan angka 00.00 di ruangan 6)
- iii) Tandakan X di ruangan (2) jika pekerja telah berhenti kerja dan masukkan tarikh berhenti kerja di ruangan (3);

- iv) Isikan tarikh mula kerja untuk pekerja yang tidak tersenarai sahaja di ruangan (3). Pendaftaran pekerja sedemikian hendaklah juga dibuat dalam Borang 2;
- v) Pastikan amaun pada Borang 8A sama dengan amaun di cek. Nombor cek dan kod majikan hendaklah dicatatkan di ruangan yang berkaitan. Cek hendaklah atas nama Kumpulan Wang Keselamatan Sosial;
- vi) Tandakan (✓) sama ada bayaran tunai atau cek di kotak yang telah disediakan dan amaunnya di ruangan yang disediakan bagi maksud itu.
- vii) Isikan semua butir yang berkenaan seperti Nama Majikan, No. Kod Majikan, Bulan dan Tahun Caruman dan No. Akaun Bank PERKESO dan Slip Bayaran caruman PERKESO yang mana boleh diperolehi di bank itu;
- viii) Borang 8A yang telah disempurnakan itu hendaklah dikemukakan kepada bank yang diluluskan bersama-sama dengan slip bayaran caruman PERKESO
- ix) Majikan hendaklah menyimpan salinan slip bayaran sebagai bukti pembayaran

3.10.4 Sekiranya terdapat caruman yang terkurang dibayar bagi sesuatu bulan itu, caruman yang terkurang itu hendaklah dibayar melalui bank-bank yang diluluskan mengikut cara yang dinyatakan di atas dengan menggunakan Borang 8B yang mana boleh diperolehi di Pejabat PERKESO yang berdekatan. Majikan hendaklah mengisi semua butir yang berkenaan dalam borang itu seperti nama dan alamat majikan, No. Kod Majikan dan bulan caruman.

3.11 FAEDAH CARUMAN LEWAT BAYAR

Mana-mana majikan yang tidak membayar caruman dalam tempoh yang dinyatakan di atas adalah berliabiliti, sebagai tambahan, membayar faedah mengikut kadar sebanyak enam peratus (6%) setahun bagi tiap-

tiap satu hari caruman itu tidak atau lewat bayar selepas tamat tempoh itu, dengan syarat bahawa;

3.11.1 Jika amaun faedah yang dikira sedemikian adalah kurang daripada RM5.00 maka faedah yang kena dibayar ialah RM5.00 bagi tiap-tiap satu bulan atau sebahagian daripada satu bulan.

3.11.2 Jika jumlah itu melebihi RM5.00 maka faedah yang kena dibayar hendaklah dikira genap kepada gandaan RM5.00 yang lebih tinggi selepasnya bagi tiap-tiap satu bulan atau sebahagian daripada satu bulan.

3.12 SKIM FAEDAH KESELAMATAN SOSIAL

PERKESO menyediakan dua skim faedah keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat.

3.12.1 SKIM INSURAN BENCANA PEKERJAAN

Skim ini memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami bencana kerja disebabkan oleh kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya dalam sesuatu perusahaan yang terhadapnya akta ini terpakai. Perlindungan di bawah skim ini meliputi kemalangan berikut:-

- i) Kemalangan industri semasa menjalankan pekerjaannya**
- ii) Kemalangan semasa dalam perjalanan pergi dan balik:-**
 - a) Di antara tempat kediaman dengan tempat kerjanya.
 - b) Diantara tempat kerja dengan tempat makan dalam waktu rehat yang dibenarkan dan
 - c) Perjalanan yang berkaitan dengan pekerjaannya

iii) Kemalangan semasa kecemasan

Kemalangan yang berlaku sewaktu kecemasan semasa pekerja berada dalam atau berdekatan dengan mana-mana premis tempat bekerjanya bagi tujuan menyelamatkan, membantu atau melindungi orang yang mendapat bencana atau bahaya atau bagi mengelak atau mengurangkan kerosakan harta.

iv) Penyakit Khidmat

Penyakit yang berpunca akibat pekerjaannya sebagaimana yang disenaraikan di Jadual Kelima Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Antara contoh penyakit khidmat adalah seperti berikut:

- a) Rosak pendengaran disebabkan oleh aras tekanan bunyi tinggi pekerjaan.
- b) Penyakit asma disebabkan oleh pekerjaan melibatkan pendedahan berterusan kepada sedutan habuk kekotoran/bahan kimia yang merbahaya dan sebagainya.

3.12.1.1 Faedah-faedah di bawah Skim Insuran Bencana Pekerja

- i) Faedah Perubatan
- ii) Faedah Hilang Upaya Sementara
- iii) Faedah Hilang Upaya Kekal
- iv) Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional
- v) Faedah Orang Tanggungan
- vi) Faedah Pengurusan Mayat
- vii) Faedah Pendidikan

i) Faedah Perubatan

- a) Pekerja yang ditimpa bencana pekerjaan atau menghidap penyakit khidmat boleh mendapat rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO atau klinik/hospital kerajaan dan hendaklah meneruskan rawatan sehingga pulih (termasuk rawatan pakar jika berkaitan). Bagi kecederaan parah, rawatan mestilah diperolehi dari hospital kerajaan dan pekerja akan diberi rawatan di wad kelas dua.
- b) Bayaran Ganti Belanja (BGB) adalah bagi rawatan yang diperolehi dari klinik bukan panel PERKESO. Majikan atau pekerja boleh mengemukakan permohonan BGB kepada pejabat PERKESO untuk mendapat kelulusan tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Perintah Fi (Perubatan) Pindaan 2006.

ii) Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS)

a) Tempoh Hilang Upaya Sementara

FHUS ini dibayar sepanjang tempoh cuti sakit yang disahkan oleh doktor di mana pekerja itu tidak berupaya bekerja. Tempoh hilang upaya sementara mestilah sekurang-kurangnya empat (4) hari cuti sakit termasuk hari kemalangan.

b) Kadar Faedah Hilang Upaya Sementara

Kadar harian FHUS adalah 80% daripada gaji harian purata anggapan pekerja. Kadar minimum adalah RM10.00 sehari dan maksimum RM78.67 sehari. Faedah tidak akan dibayar pada hari di mana pekerja itu bekerja dan dibayar gaji dalam tempoh cuti sakit.

(PERHATIAN: Laporan Kemalangan dan dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan kepada PERKESO dalam tempoh 48 jam selepas diterima pemberitahuan tentang kemalangan tersebut)

iii) **Faedah Hilang Upaya Kekal**

Hilang Upaya Kekal ertinya hilang upaya yang berkekalan hingga mengurangkan keupayaan seseorang pekerja untuk menjalankan segala kerja yang boleh dijalankannya.

Pekerja yang telah tamat cuti sakit dan mengalami hilang upaya kekal boleh membuat tuntutan ini.

a) Kadar Faedah Harian Yang Akan Dibayar

Kadar harian adalah 90% daripada gaji harian purata anggapan pekerja tertakluk kepada kadar minimum RM10.00 sehari dan maksimum RM88.50 sehari.

b) Tempoh Tuntutan

Had masa membuat tuntutan adalah dalam tempoh 12 bulan dari tarikh perakuan akhir sijil cuti sakit.

c) Taksiran dan Pembayaran Faedah

Kes tuntutan akan dirujuk ke Jemaah Doktor untuk taksiran hilang upaya kekal.

(i) Sekiranya taksiran tidak melebihi 20% bayaran dibuat secara pukal.

(ii) Sekiranya taksiran Hilang Upaya Kekal itu melebihi 20% bayaran dibuat secara berkala. Pekerja juga boleh memohon supaya bayaran 1/5 daripada kadar harian faedah tersebut dibayar secara pukal dan baki kadar harian faedah tersebut dibayar secara berkala iaitu secara pencen bulanan sepanjang hayat.

(PERHATIAN : Sekiranya pekerja atau PERKESO tidak berpuas hati ke atas taksiran tersebut, permohonan rayuan ke Jemaah Doktor Rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh 90 hari daripada tarikh keputusan Jemaah Doktor disampaikan kepada pekerja).

iv) Elaun Layanan Sentiasa

Pekerja yang menerima taksiran Hilang Upaya Kekal sebanyak 100% layak menerima Elaun Layanan Sentiasa dengan pengesyoran Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan. Kadar elaun layanan sentiasa adalah sebanyak empat puluh peratus daripada kadar faedah atau pada apa-apa kadar yang lebih tinggi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri Sumber Manusia dari semasa ke semasa.

v) Kemudahan Pemulihan Jasmani Atau Vokasional

Kemudahan ini diberikan oleh PERKESO kepada pekerja yang mengalami hilang upaya kekal. Kemudahan yang disediakan adalah seperti:

a) Pemulihan jasmani termasuk:-

(i) Fisioterapi

(ii) Terapi pekerjaan

(iii) Pembedahan rekonstruktif

(iv) Bekalan anggota palsu seperti kaki, tangan, gigi dan lain-lain.

(v) Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kaliper, kasut khas dan lain-lain.

b) Pemulihan vokasional termasuk latihan dalam bidang seperti pendawaian elektrik, jahitan, membaiki radio / TV, menaip, kesetiausahaan dan lain-lain. Semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.

vi) Faedah Orang Tanggungan

Sekiranya seseorang pekerja meninggal dunia akibat bencana pekerjaan, orang tanggungan yang layak berhak menerima faedah ini.

a) Kadar harian faedah yang akan dibayar

Kadar harian faedah adalah 90% daripada gaji harian purata anggapan pekerja tertakluk kepada kadar minimum RM10.00 sehari dan maksimum RM88.50 sehari.

b) Orang Tanggungan Dan Kelayakan Kadar Harian

(i) Kelayakan kadar harian faedah orang tanggungan adalah mengikut keutamaan berikut:-

Orang Tanggungan	Kadar Harian Faedah	Keterangan
BALU / DUDA	3/5	Layak menerima faedah seumur hidup meskipun balu atau duda berkahwin semula.
ANAK Semua anak yang memenuhi syarat layak mendapat faedah termasuk anak kandung, anak tiri yang disara, anak angkat atau anak tidak sah taraf.	2/5	i. Layak menerima faedah sehingga umur 21 tahun atau berkahwin (mana yang lebih awal) ii. Jika sedang belajar di IPT, terima faedah sehingga mendapat Ijazah pertama atau berkahwin (mana yang lebih awal) iii. Bagi anak yang terencat mental atau menjadi tidak berupaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, layak menerima faedah selama tidak berupaya menyara kehidupannya

(ii) Jika seseorang pekerja meninggal dunia akibat bencana pekerjaan dan tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, faedah orang tanggungan akan dibayar kepada:-

Orang Tanggungan	Kadar harian faedah	Keterangan
IBU BAPA	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup
ADIK-BERADIK	3/10	Layak menerima faedah sehingga umur 21 tahun atau berkahwin (mana yang lebih awal)
NENEK / DATUK (sekiranya ibu bapa tiada)	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup

vii) Faedah Pengurusan Mayat

- a) Faedah pengurusan mayat dibayar kepada orang tanggungan yang layak sekiranya orang berinsurans meninggal dunia akibat dari bencana pekerjaan atau semasa menerima faedah hilang upaya. Sekiranya tiada orang tanggungan faedah akan dibayar kepada pihak yang menanggung perbelanjaan pengebumian.
- b) Jumlah yang dibayar adalah mengikut perbelanjaan sebenar pengurusan mayat tertakluk kepada jumlah maksimum RM1,500.00 mengikut mana yang lebih rendah berdasarkan resit yang dikemukakan.

viii) Faedah Pendidikan

- a) Faedah pendidikan merupakan suatu kemudahan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa disediakan kepada anak tanggungan sekiranya orang berinsurans:-
 - (i) Mati akibat suatu bencana pekerjaan
 - (ii) Menerima bayaran berkala faedah hilang upaya yang kekal

b) Terma Dan Syarat Pemohonan

- (i) Pemohon faedah ini perlu mematuhi terma dan syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:-
- (ii) Belum mencapai umur 21 tahun semasa permohonannya diterima oleh PERKESO atau sekiranya telah mencapai umur 21 tahun, pemohon mestilah pernah menerima pinjaman PERKESO sebelumnya di peringkat pengajian Sijil / Diploma secara berterusan.
- (iii) Belum berkahwin.
- (iv) Telah mendaftarkan diri untuk mengikuti pengajian di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta (IPTA/IPTS) tempatan di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia / Diploma / Ijazah.
- (v) Tidak mendapat tajaan biasiswa / pinjaman / bantuan penuh pelajaran daripada agensi lain.
- (vi) Pengajian hendaklah keseluruhan di dalam Malaysia dan bersifat sepenuh masa.
- (vii) Baki tempoh pengajian semasa memohon mestilah tidak kurang satu (1) tahun.
- (viii) Jumlah kos yuran pengajian tidak melebihi kadar had maksima yang ditetapkan iaitu RM100,000 tidak termasuk perbelanjaan sara hidup.
- (ix) Bagi pelajar yang menerima tawaran di IPTS, Kolej atau Universiti berkenaan hendaklah telah beroperasi sekurang-kurangnya dua (2) tahun dan penubuhannya diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
- (x) Bagi pelajar IPTA, kursus yang diikuti di peringkat Diploma dan Ijazah mestilah telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTA), Kementerian Pengajian Tinggi.

- (xi) Bagi pelajar IPTS, kursus yang diikuti di peringkat Diploma dan Ijazah mestilah telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTS), Kementerian Pengajian Tinggi dan mendapat Sijil Perakuan Akreditasi Provisional/ Penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- (xii) Bagi pelajar peringkat Sijil Kemahiran Malaysia, tempoh kursus hendaklah sekurang-kurangnya 1 tahun dan kursus yang diikuti mestilah telah mendapat sijil pentauliahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia.
- (xiii) Memenuhi syarat kelayakan akademik yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengikuti kursus berkenaan. Sekiranya kelayakan pelajar berbeza daripada yang disyaratkan pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi berkaitan.

PERHATIAN:

1. *Kumpulan berikut tidak layak memohon faedah pendidikan:*
 - i. *Pelajar sekolah rendah atau menengah*
 - ii. *Adik-beradik orang berinsurans*
 - iii. *Pelajar peringkat doktor falsafah / sarjana / matrikulasi / pra / asasi*
2. *Pemohon yang pernah menerima tawaran faedah pendidikan PERKESO tetapi gagal / berhenti / membatalkan pinjaman sebelum tamat pengajian tidak layak membuat permohonan kali kedua.*

3.12.2 SKIM PENCEN ILAT

Keilatan adalah suatu keuzuran yang berkekalan atau tidak mungkin akan sembuh yang mana mengakibatkan seseorang pekerja itu tidak mampu mencari nafkah sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan seseorang pekerja yang normal. Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja yang mengidap keilatan atau kematian akibat dari sebarang sebab.

Faedah-faedah yang disediakan di bawah skim pencen ilat

- i) Pencen Ilat
- ii) Bantuan Ilat
- iii) Elaun Layanan Sentiasa
- iv) Pencen Penakat
- v) Faedah Pengurusan Mayat
- vi) Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional dan Dialisis
- vii) Faedah Pendidikan

i) Pencen Ilat

Pencen ilat dibayar kepada orang berinsurans yang layak dan disahkan mengidap keilangan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan. Pencen ilat dibayar bermula dari tarikh notis ilatnya diterima oleh PERKESO atau tarikh berhenti kerja jika pekerja berhenti kerja selepas notis keilangan dikemukakan. Pencen ilat dibayar selama pekerja mengalami keilangan atau hingga meninggal dunia mengikut mana yang lebih awal. Pencen ilat akan digantikan dengan pencen penakat sekiranya pekerja itu meninggal dunia semasa menerima pencen ilat tanpa mengira umurnya

a) Syarat Kelayakan Mendapat Pencen Ilat

- (i) Belum mencapai umur 60 tahun pada masa notis ilatnya diterima (**Pindaan Akta Berkuatkuasa 1 Januari 2013**)
- (ii) Sekiranya telah mencapai umur 60 tahun pada masa notis ilat diterima, pekerja perlu membuktikan keilangan terjadi sebelum umur 60 tahun dan tidak bekerja semenjak ia mengalami keilangan.
- (iii) Disahkan mengidap keilangan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan

- (iv) Memenuhi mana-mana syarat tempoh kelayakan caruman yang telah ditetapkan sama ada tempoh kelayakan penuh atau yang dikurangkan.

b) Tempoh Kelayakan Caruman Penuh

Bagi tempoh kelayakan caruman penuh, kadar pencen ilat yang layak diterima adalah dari 50% hingga 65% daripada purata gaji anggapan bulanan tertakluk kepada pencen minima sebanyak **RM475** sebulan (**mulai 1 Januari 2012**). Orang Berinsurans disifatkan memenuhi tempoh kelayakan caruman penuh jika :-

- (i) Caruman bulannya telah dibayar sekurang-kurangnya 24 bulan dalam tempoh 40 bulan berturut-turut sebelum bulan notis ilatnya diterima oleh PERKESO; atau
- (ii) Caruman bulannya telah dibayar tidak kurang daripada 2/3 bulan-bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh mula memasuki Skim Keilatan dengan tarikh notis ilat diterima oleh PERKESO. Jumlah bilangan caruman bulanan yang telah dibayar dalam tempoh tersebut mestilah sekurang-kurangnya 24 bulan.
- (iii) Orang berinsurans layak menerima pencen penuh dengan kadar 50% daripada gaji anggapan bulanan ditambah dengan satu peratus (1%) bagi tiap-tiap 12 caruman bulanan yang dibayar melebihi 24 bulan dengan kadar maksimum 65% daripada gaji bulanan purata anggapan.

c) Tempoh kelayakan caruman yang dikurangkan

Bagi tempoh kelayakan caruman yang dikurangkan, kadar pencen ilat yang layak diterima adalah 50% daripada purata gaji anggapan bulanan tertakluk kepada pencen

minima sebanyak RM475 sebulan (mulai 1 Januari 2012). Orang berinsurans disifatkan memenuhi tempoh kelayakan caruman yang dikurangkan jika:-

- (i) Caruman bulanan orang berinsurans telah dibayar tidak kurang daripada 1/3 bulan-bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh mula memasuki Skim Keilatan dengan tarikh notis ilat diterima oleh PERKESO.
- (ii) Jumlah bilangan caruman bulanan yang telah dibayar dalam tempoh tersebut mestilah sekurang-kurangnya 24 bulan.

ii) Bantuan Ilat

Bantuan ilat dibayar kepada orang berinsurans yang diperakui mengidap keilatan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan tetapi tidak layak menerima pencen ilat kerana tidak memenuhi syarat mana-mana tempoh kelayakan caruman. Amaun bantuan ilat adalah sama banyak dengan jumlah caruman yang telah dibayar berkenaan dengannya beserta dengan faedahnya mengikut kadar yang ditetapkan dan bayaran dibuat secara pukal sekali sahaja. Orang berinsurans layak menerima bantuan ilat jika telah membayar sekurang-kurangnya 12 bulan caruman.

iii) Elaun Layanan Sentiasa

Orang berinsurans yang telah disahkan mengidap keilatan dan memerlukan penjagaan orang lain layak menerima Elaun Layanan Sentiasa dengan pengesyoran Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan. Kadar elaun sebanyak empat puluh peratus daripada kadar faedah atau pada apa-apa kadar yang lebih tinggi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri Sumber Manusia dari semasa ke semasa.

iv) Kemudahan Pemulihan Jasmani Atau Vokasional dan Dialisis

Kemudahan pemulihan diberikan oleh PERKESO kepada orang berinsurans yang mengidap atau mengaku mengidap keilatan dan disyorkan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan. Semua perbelanjaan kemudahan pemulihan di atas ditanggung oleh PERKESO mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan. Kemudahan yang disediakan adalah seperti:

a) Pemulihan jasmani termasuk:

- (i) Fisioterapi
- (ii) Terapi pekerjaan
- (iii) Pembedahan rekonstruktif
- (iv) Bekalan anggota palsu seperti kaki, tangan, gigi dan lain-lain
- (v) Bekalan ortopedik seperti kerusi roda, tongkat, alat pendengaran, cermin mata, kaliper, kasut khas dan lain-lain.

b) Pemulihan vokasional termasuk:-

- (i) Latihan dalam bidang seperti pendawaian elektrik, jahitan, membaiki radio/TV, menaip, kesetiausahaan dan lain-lain.
- (ii) Kemudahan dialisis bagi orang berinsurans yang mengidap sakit buah pinggang kronik termasuk
 - (a) Rawatan kaedah hemodialisis di pusat dialisis Panel PERKESO, Bukan Panel dan Hospital Kerajaan
 - (b) Rawatan kaedah Continous Ambulatory Peritoneal (CAPD)
 - (c) Subsidi suntikan Erythropoietin (EPO)
 - (d) Subsidi pembelian ubat Immunosuppressants

(e) Bayaran pembedahan Arterial Venous Fistulaed (AV Fistula).

v) Pencen Penakat

a) Pencen penakat dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila orang berinsurans meninggal dunia akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.

b) Syarat Kelayakan Mendapat Pencen Penakat

(i) Orang berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun dan memenuhi syarat kelayakan caruman penuh atau dikurangkan (**Pindaan Akta Berkuatkuasa 1 Januari 2013**)

(ii) Orang berinsurans meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen ilat tanpa mengambil kira had umur

c) Tempoh Kelayakan Caruman Penuh

Bagi tempoh kelayakan caruman penuh, kadar pencen penakat yang layak diterima adalah dari 50% hingga 65% daripada purata gaji anggapan bulanan tertakluk kepada pencen minima sebanyak **RM475** sebulan (**mulai 1 Januari 2012**).

Orang berinsurans yang meninggal dunia disifatkan memenuhi tempoh kelayakan caruman penuh jika :-

(i) Caruman bulannya telah dibayar sekurang-kurangnya 24 bulan dalam tempoh 40 bulan berturut-turut sebelum bulan kematiannya; atau

(ii) Caruman bulannya telah dibayar tidak kurang daripada $\frac{2}{3}$ bulan-bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh mula memasuki Skim Keilatan dengan tarikh kematiannya. Jumlah bilangan caruman bulanan yang telah dibayar dalam tempoh tersebut mestilah sekurang-kurangnya 24 bulan.

Orang tanggungan layak menerima pensen penuh dengan kadar 50% daripada gaji anggapan bulanan ditambah dengan satu peratus (1%) bagi tiap-tiap 12 caruman bulanan yang dibayar melebihi 24 bulan dengan kadar bulanan yang dibayar melebihi 24 bulan dengan kadar maksimum 65% daripada gaji bulanan purata anggapan.

d) Tempoh Kelayakan Caruman Yang Dikurangkan

Bagi tempoh kelayakan caruman yang dikurangkan, kadar pensen penakat yang layak diterima adalah 50% daripada gaji bulanan purata anggapan tertakluk kepada pensen minima sebanyak **RM475** sebulan (**mulai 1 Januari 2012**).

Orang beinsurans yang meninggal dunia disifatkan memenuhi tempoh kelayakan caruman yang dikurangkan jika caruman bulanan orang berinsurans telah dibayar tidak kurang daripada 1/3 bulan-bulan genap yang terkandung dalam tempoh antara tarikh mula memasuki Skim Keilatan dengan tarikh kematiannya. Jumlah bilangan caruman bulanan yang telah dibayar dalam tempoh tersebut mestilah sekurang-kurangnya **24 bulan**.

e) Orang Tanggungan dan Kelayakan Kadar Harian

Kelayakan kadar harian pensen penakat kepada orang tanggungan adalah mengikut keutamaan berikut :-

Orang Tanggungan	Kadar Harian Faedah	Keterangan
BALU / DUDA	3/5	Layak menerima faedah seumur hidup meskipun balu atau duda berkahwin semula.

<p>ANAK</p> <p>Semua anak yang memenuhi syarat layak mendapat faedah termasuk anak kandung, anak tiri yang disara, anak angkat atau anak tidak sah taraf.</p>	<p>2/5</p>	<p>Layak menerima faedah sehingga umur 21 tahun atau berkahwin (mana yang lebih awal)</p> <p>Jika sedang belajar di IPT, terima faedah sehingga mendapat Ijazah pertama atau berkahwin (mana yang lebih awal)</p> <p>Bagi anak yang terencat mental atau menjadi tidak berupaya secara fizikal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, layak menerima faedah selama tidak berupaya menyara kehidupannya</p>
--	------------	--

Jika tidak meninggalkan balu atau duda atau anak, pencen penakat hendaklah dibayar kepada :-

Orang Tanggungan	Kadar harian faedah	Keterangan
IBU BAPA	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup
ADIK-BERADIK	3/10	Layak menerima faedah sehingga umur 21 tahun atau berkahwin (mana yang lebih awal)
NENEK / DATUK (sekiranya ibu bapa tiada)	4/10	Layak menerima faedah seumur hidup

vi) Faedah Pengurusan Mayat

Faedah pengurusan mayat dibayar kepada orang tanggungan yang layak sekiranya orang berinsurans meninggal dunia akibat sebarang sebab. Sekiranya tiada orang tanggungan, faedah akan

dibayar kepada pihak yang menanggung perbelanjaan pengkebumian itu.

Jumlah yang dibayar adalah mengikut perbelanjaan sebenar pengurusan mayat tertakluk kepada jumlah maksimum RM1,500 mengikut mana yang lebih rendah berdasarkan resit yang dikemukakan.

vii) Faedah Pendidikan

a) Faedah pendidikan merupakan suatu kemudahan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa disediakan kepada anak tanggungan sekiranya orang berinsurans:-

(i) Menerima pencen ilat

(ii) Meninggal dunia semasa menerima pencen ilat

(iii) Meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun dan memenuhi tempoh kelayakan caruman. **(Pindaan Akta Berkuatkuasa 1 Januari 2013)**

b) Terma dan Syarat Permohonan

Sila rujuk terma dan syarat permohonan pinjaman pendidikan di bawah Skim Bencana Pekerjaan di halaman 19, 20 dan 21.

3.12.3 PROGRAM RETURN TO WORK

Program *Return To Work* adalah program pemulihan komprehensif dengan menggunakan kaedah pengurusan kes secara profesional dan sistematik dalam membantu orang berinsurans yang mengalami hilang upaya dan yang mengidap atau mengaku mengidap keilangan untuk kembali semula bekerja.

i) **Kriteria Untuk Mengikuti Program**

a) Orang berinsurans yang mengalami bencana kerja dan sedang menerima faedah hilang upaya sementara.

- b) Orang berinsurans yang sedang menerima faedah hilang upaya kekal dan telah disyorkan untuk menjalani pemulihan oleh Jemaah Doktor Rayuan
- c) Orang berinsurans yang berumur 50 tahun ke bawah dan disahkan tidak mengidap keilatan dan disyorkan oleh Jemaah Doktor menjalani program ini.
- d) Orang berinsurans yang disahkan mengidap keilatan di bawah umur 40 tahun, tetapi masih berminat/berpotensi untuk kembali semula bekerja.

3.12.4 PROGRAM SARINGAN KESIHATAN

- i) Program Saringan Kesihatan adalah pemeriksaan kesihatan percuma diberi kepada orang berinsurans bagi mengenal pasti kumpulan pekerja yang berisiko mengidap penyakit tidak berjangkit (non-communicable disease) bertujuan membudayakan gaya hidup sihat. Kemudahan pemeriksaan kesihatan ini akan diberi kepada orang berinsurans yang berumur 40 tahun dan ke atas yang masih aktif bekerja. Melalui program ini, orang berinsurans akan dapat mengesan penyakit di peringkat awal dan seterusnya mendapatkan rawatan yang sewajarnya jika berkaitan. Intervensi awal ini akan memberi kesan yang positif terhadap modal insan dan produktiviti.
- ii) Objektif Program
 - a) Memupuk kesedaran kesihatan terhadap penyakit tidak berjangkit dan menggalakkan budaya hidup sihat.
 - b) Mengesan pengurangan atau kehilangan punca disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit.
 - c) Meningkatkan modal insan dan produktiviti negara melalui persekitaran populasi pekerja yang sihat.

- iii) Saringan kesihatan boleh dilakukan di klinik panel Program Saringan Kesihatan yang berdaftar dan ianya meliputi saringan untuk:-
- a) Pemeriksaan Fizikal
 - b) Pemeriksaan Darah
 - c) Analisa Laporan
 - d) Khidmat nasihat yang berkaitan

(PERHATIAN: Semua maklumat berkaitan program saringan kesihatan boleh didapati menerusi portal khas seperti berikut:- <http://www.perkeso.gov.my/sehat/>)

4. KESALAHAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 DAN PERATURAN-PERATURAN (AM) KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1971

Kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Akta dan Peraturan boleh menyebabkan seseorang diambil tindakan pendakwaan di Mahkamah. Selain itu, tindakan mengkompaunkan mana-mana kesalahan juga boleh dikenakan.

4.1 Kompaun

Kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta dan Peraturan, di antaranya adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERUNTUKKAN UNDANG-UNDANG
i.	Gagal daftar perusahaan	Seksyen 4
ii.	Gagal daftar pekerja	Seksyen 5
iii.	Tidak menyediakan / menyimpan daftar pekerja	Seksyen 11 Peraturan 34(1) dan (2)
iv.	Tidak menyediakan jadual caruman	Peraturan 44 A

Amaun kompaun maksimum sehingga RM5,000 boleh dikenakan bagi kesalahan sebagaimana yang dinyatakan di atas. Tindakan pendakwaan juga boleh diambil jika kompaun gagal dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.

4.2 Pendakwaan

Antara kesalahan di bawah Akta dan Peraturan yang boleh diambil tindakan pendakwaan di Mahkamah adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS KESALAHAN	PERUNTUKKAN UNDANG-UNDANG
i.	Gagal membayar caruman	Seksyen 6, 7 dan 94 Peraturan 32
ii.	Gagal membayar Faedah Caruman Lewat Bayar	Seksyen 94 Peraturan 33
iii.	Gagal menjelaskan kompaun	Seksyen 95A
iv	Gagal mematuhi Saman Jabatan	Seksyen 110

Seseorang yang didakwa dan disabitkan kesalahan oleh Mahkamah, boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya.

5. JEMAAH RAYUAN KESELAMATAN SOSIAL (JRKS)

5.1 JRKS ialah tribunal undang-undang yang ditubuhkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (AKSP 1969) yang diberi kuasa untuk menimbang dan memutuskan sebarang rayuan atau apa-apa persoalan atau pertikaian berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan di bawah Seksyen 84, AKSP 1969.

5.2 Pertubuhan, majikan, pekerja dan orang tanggungannya boleh merujuk kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) sekiranya terbit apa-apa persoalan atau pertikaian mengenai perkara-perkara yang di nyatakan di bawah Seksyen 84, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.


- 5.3 Pemohon boleh diwakili oleh peguam, pegawai kesatuan sekerja berdaftar atau mana-mana orang yang diberi kuasa dengan bertulis oleh pemohon atau dengan kebenaran JRKS. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga tahun dari tarikh alasan tindakan terbit.
- 5.4 Terdapat sebelas (11) kawasan JRKS telah ditubuhkan di sembilan (9) kawasan di Semenanjung dan setiap satu di Sabah dan Sarawak. Keanggotaan ahli-ahli Jemaah adalah dilantik oleh Menteri Sumber Manusia.
- 5.5 Semua permohonan rayuan kepada JRKS hendaklah dikemukakan ke Urusetia di alamat berikut:-

Urus Setia
Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial
Tingkat 11, Menara PERKESO
281, Jalan Ampang
50538 Kuala Lumpur
Tel: 03-42645134 / 5081 / 5204 / 5036 / 5048
Faks : 03-42563760

6. KEMUSYKILAN

Apa-apa kemusykilan berhubung pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Operasi, Ibu Pejabat PERKESO atau mana-mana pejabat PERKESO yang berhampiran.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK K. SELVARAJAH)
Ketua Eksekutif
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Tarikh 31 Mei 2013

“SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA”

“SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA”